

29 AUG 2003

Kadir-Lukisan

KADIR LANCAR LUKISAN PERISTIWA NOSTALGIA DR MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 29 Ogos (Bernama) -- Sebanyak 23 lukisan tajaan Syarikat Kumpulan Country Heights yang merakamkan kejayaan penting Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sebagai Perdana Menteri Malaysia dilancarkan di sini, hari ini.

Penghasilan karya itu yang mengabadikan detik bersejarah serta peristiwa penting yang dilalui Dr Mahathir sepanjang memimpin negara ini, dilancarkan oleh Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan Datuk Paduka Abdul Kadir Sheikh Fadzir.

Antara karya seni yang dihasilkan itu memaparkan kehebatan Menara Kembar Petronas, Putrajaya, angka 2020 serta potret Dr Mahathir dan tajuk-tajuk yang mencerminkan kejayaan beliau yang dijadikan tema Hari Kebangsaan setiap tahun.

Berucap pada majlis berkenaan di Palace of the Golden Horses, Abdul Kadir berkata usaha yang dibuat oleh syarikat itu sebagai tanda terima kasihnya kepada Perdana Menteri, memang patut dipuji.

One Academy, yang menggabungkan pelukis profesional dari pelbagai bangsa, dipilih untuk menghasilkan karya itu yang bernilai RM100,000.

Abdul Kadir juga menyifatkan Wawasan 2020 yang diilhamkan oleh Dr Mahathir sebagai sesuatu yang amat berharga kepada negara kerana ia memberi penekanan terhadap pembentukan bangsa Malaysia.

Sementara itu, pengasas dan pengerusi Mines Resort City, Tan Sri Lee Kim Yew berkata orang ramai boleh menghayati kesemua lukisan berkenaan di hotel itu mulai hari ini hingga 2 Sept.

Semua karya itu yang akan diserahkan kepada kerajaan, akan turut dipamerkan di Balai Seni Lukis Negara.

Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Datuk Foo Ah Kiow turut hadir pada majlis berkenaan.

-- BERNAMA

AMB AHH SP RON